
**MINIT MESYUARAT
MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)
BIL. 2/2013**

TARIKH : 25 JUN 2013 (SELASA)
MASA : 10:00 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

HADIR

Dr Nor Edzan Haji Che Nasir - Pengerusi
Universiti Malaya

Cik Sutarmi Kasimun - Setiausaha
Universiti Malaya

Puan Asmaniza Mansor
Universiti Utara Malaysia

Puan Azizah Zainal Abidin
Universiti Putra Malaysia

Puan Azlina Othman
Universiti Sains Islam Malaysia

En Azraai Abidin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Puan Hafsa Mohd
Universiti Kebangsaan Malaysia

Cik Hasdarinar Abd Jalal
Universiti Malaysia Perlis

Puan Kamaliah Mohamad
Universiti Teknologi Petronas

Puan Khairunnisa Ahmad
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Puan Mariatul Qibtiah Isa
Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Muhamad Hafiz Morad
Open University Malaysia

Encik Mohammad Shukri Yaakub
Multimedia University

Puan Nona Zurena Masenwat
Perpustakaan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Nurul Fariah Sarmin Panut
Universiti Teknologi MARA

Puan Nurul Sazrina Mohd Shukor
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Puan Rohayah Maliki
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Puan Rosnah Yusof
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Ruzilah Ehsan
Agensi Nuklear Malaysia

Puan Sofiah Khalid
Universiti Sultan Zainal Abidin

Puan Suhaila Marsidi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Puan Sukmawati Muhamad
Universiti Sains Malaysia

Puan Wan Kartini Wan Sulaiman
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Yusrul Hisham Mohd Yusof
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Zaharah Mohamad Nor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Encik Zawawi Tiyunin
Universiti Malaysia Sabah

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Puan Azana Haji Abd Hadi
Universiti Putra Malaysia

Puan Fatimah Abd Aziz
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Encik Hairuladzhar Mohd. Hamdi

Universiti Malaysia Kelantan

Encik Khairul Anwar Husaini
Universiti Kuala Lumpur

Puan Korina Ibrahim
Universiti Malaysia Sarawak

Encik Mohammed Ariff Ahmad
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Encik Mohd Nizam Mahat
Universiti Tenaga Nasional

YBhg. Datin Munazzah Zakaria
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Noor Azura Omar
Universiti Malaysia Pahang

Puan Noormala Maarof
Universiti Teknologi MARA

Puan Norazlynne Mohd Johan @ Jacklyne
Universiti Malaysia Sabah

Cik Ruzita Kamis
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Saniah Hj Irmia
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Cik Siti Khabshah Masrom
Multimedia University

Puan Sharifah Akmal Syed Abd Rahman
Universiti Malaysia Terengganu

Encik Wan Rozaini Wan Ibrahim
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Encik Wan Suhaimi Ariffin
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Wizana Abd Jalil
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

	PERKARA	TINDAKAN
34	<p>KATA-KATA ALUAN Pengerusi Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM atas kesudian menjadi hos mesyuarat dan bengkel.</p>	Makluman
35	<p>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 1/2013 Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 1/2013 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
36	<p>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</p> <p>36.1 Minit 30.1 Minit Mesyuarat MOLEC Sekretariat MOLEC masih tidak menerima salinan minit mesyuarat yang berikut untuk dimuat naik ke portal rasmi PERPUN (http://perpun.upm.edu.my/myULIS) 1) Minit Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2000 2) Minit Mesyuarat Bilangan 1-3 Tahun 2007 (28/3/2007, 22/5/2007, 23/11/2007)</p> <p>Wakil Perpustakaan UKM telah membekalkan Minit Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2001, Minit Mesyuarat Bilangan 2 dan Bilangan 4 Tahun 2002</p> <p>36.1 Minit 30.3 Cadangan Langganan Pangkalan Data 2013-2014 Menggunakan Bajet KPT Mesyuarat dimaklumkan, pihak Kementerian akan membuat urusan rundingan dengan pembekal pada akhir bulan Jun. Pihak Jabatan Pengajian Tinggi juga telah menghantar emel kepada semua pembekal memaklumkan mengenai kelulusan yang diperolehi daripada MAMPU</p> <p>36.3 Minit 30.4 Penubuhan dan Pengaktifan Semula Jawatankuasa Kerja Mengkaji Lesen Perjanjian Beberapa slaid pembentangan masih belum diserahkan kepada setiausaha MOLEC untuk dimuat naik ke dalam portal MyULIS.</p> <p>i. Science Direct – UM ; telah serah ii. Wiley/Blackwell – UKM ; telah serah iii. IEEE – UTM iv. Web of Science – USM v. Emerald Management – UUM ; telah serah vi. ACM Digital Library – UIAM ; telah serah vii. SAGE – UiTM viii. IOP – UTHM ix. Taylor & Francis – UPSI x. SAGE – UiTM ; telah serah xi. SpringerLINK – UPM</p> <p>Lanjutan daripada pembentangan ini, Pengerusi MOLEC akan mengadakan satu perbincangan dengan Encik Zawawi Tiyunin selaku Pengerusi</p>	<p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p> <p>Semua pembentang</p> <p>Sekretariat dan UMS</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Jawatankuasa Kerja Mengkaji Lesen Perjanjian bagi mengemaskini senarai semak serta terma yang perlu diteliti bagi setiap lesen perjanjian.</p> <p>36.4 Minit 31.1 Perancangan Mesyuarat 2013 Dan 2014</p> <p>a. Bengkel Pengurusan Nilai Dalam Perpustakaan telah diadakan pada 24 Jun 2013. Bengkel disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali daripada Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)</p> <p>b. Pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyatakan persetujuan untuk menjadi hos mesyuarat MOLEC yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober. Walau bagaimanapun, memandangkan banyak aktiviti lain akan diadakan pada bulan Oktober, pihak UMS akan menetapkan tarikh yang sesuai.</p> <p>36.5 Minit 31.2 Perancangan Aktiviti 2013</p> <p>Kertas cadangan akan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan dan lawatan penanda arasan dijangka akan diadakan pada tahun 2014.</p> <p>36.6 Minit 32.3 Keberkesanan Model <i>Pay Per View</i></p> <p>Pada mesyuarat MOLEC yang akan datang, wakil daripada UKM dan USM diminta berkongsi pengalaman (proses kerja, pengurusan sumber manusia, kos) berkaitan implementasi perolehan artikel menggunakan model <i>pay per view</i>.</p>	<p>Makluman</p> <p>Sekretariat dan UMS</p> <p>Makluman</p> <p>UKM, USM</p>
37	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>37.1 Cadangan Pembentangan Laporan Penggunaan PDK 2013</p> <p>Laporan penggunaan PDK berikut telah dibentangkan di UTeM pada 2011 oleh wakil Perpustakaan masing-masing iaitu:</p> <p>a. EBSCO – UTHM & UTM</p> <p>b. PQDT - UiTM</p> <p>c. Scopus – UKM dan UPM</p> <p>d. EBSCO ebooks (NetLibrary ebooks) - UM</p> <p>Pembentangan laporan penggunaan IEEE yang sepatutnya dibuat oleh wakil UNITEN dan MMU tidak dapat dibuat kerana masalah teknikal.</p> <p>Bagi tahun 2013, PDK yang sama akan dibentangkan oleh wakil Perpustakaan yang sama. Statistik penggunaan yang diambil kira adalah untuk tempoh September 2012 sehingga Julai 2013 bagi menyokong justifikasi pembaharuan langganan.</p> <p>37.2 Demo Press Display oleh UBSM</p> <p>Wakil pembekal UBSM telah mempamerkan produk Press Display iaitu sumber elektronik yang mengandungi sejumlah 2,300 tajuk akhbar harian yang diterbitkan dari seluruh dunia. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sedang melanggan produk ini dan akses hanya boleh dicapai di PNM sahaja.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	Ahli MOLEC bersetuju agar sumber elektronik ini dicadangkan untuk dilanggan di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia.	
37.3	Cadangan Langganan Sumber Elektronik di bawah Pembiayaan Berpusat 2015 - 2017 Kertas cadangan akan disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang berkaitan pada bulan Februari 2014.	Sekretariat
37.4	Senarai Kekuatan Koleksi dan Sumber Maklumat Elektronik Ahli MOLEC Senarai langganan sumber maklumat elektronik yang dilanggan oleh ahli MOLEC boleh disemak di laman sesawang yang disediakan oleh OUM http://library.oum.edu.my/molec Semua ahli diminta mengemaskini senarai mengikut templat yang disediakan. Sekretariat akan mengedarkan senarai <i>back files</i> dan ahli juga diminta mengemaskini senarai ini.	Semua ahli Semua ahli
37.5	Langganan IEEE 2014-16 Pihak United Technology telah menghantar sebut harga pembaharuan langganan IEEE untuk tempoh 30 Januari 2014 sehingga 29 Januari 2016 melalui emel bertarikh 29 April 2013. Harga yang ditawarkan untuk Malaysian Consortium yang terdiri daripada 21 institusi ialah USD88,580.00, kenaikan sebanyak 3% daripada harga tahun-tahun sebelumnya (USD86,000). Ahli MOLEC. Ahli MOLEC berharap agar kenaikan harga langganan dapat dirundingkan ke paras 1.5% sahaja.	Konsortium IEEE
37.6	Gangguan Rangkaian di UPM Mesyuarat dimaklumkan, rangkaian komputer UPM akan mengalami gangguan pada 29 dan 30 Jun (Sabtu dan Ahad) yang akan menyebabkan kegagalan pautan kepada laman sesawang MyUniNet dan MyULIS.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Sutarmi Kasimun
Setiausaha MOLEC

Dr Nor Edzan Hj Che Nasir
Pengerusi MOLEC